

26/10/1997

Komanwel mahu tingkat dagangan sesama anggota

EDINBURGH: Ketua kerajaan Komanwel yang bersidang di sini mahu langkah konkrit diambil bagi menggalak dan meningkatkan lagi perdagangan di kalangan negara anggota.

Satu daripada langkah yang dicadangkan ialah mewujudkan Peraturan Keistimewaan Perdagangan Komanwel (CPTA).

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, memberitahu demikian dalam taklimat kepada wartawan Malaysia pada akhir hari pertama Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di sini, kelmarin.

Seramai 12 ketua kerajaan termasuk Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berucap pada hari pertama mesyuarat yang tertumpu kepada bidang perdagangan, pelaburan dan pembangunan.

Abdullah berkata, untuk menggalakkan perdagangan dan pembangunan seimbang, ketua kerajaan itu berpendapat satu mekanisme perlu diwujudkan supaya negara anggota yang kecil dan lemah ekonominya tidak ketinggalan.

Beberapa pemimpin menyatakan kebimbangan mengenai kemungkinan negara itu tidak dapat menghadapi arus liberalisasi dan globalisasi dengan baik dan berkesan.

Dalam ucapannya pada sesi eksekutif pertama kelmarin, Dr Mahathir menegaskan pentingnya tahap pembangunan dan kemampuan persaingan sesuatu negara diberi pertimbangan dalam proses liberalisasi ini.

Jika tidak, negara kecil dan lemah akan terus ketinggalan dalam dunia tanpa sempadan dan sekatan ini, katanya.

Abdullah berkata, untuk menangani masalah ini, Australia mencadangkan supaya diwujudkan satu program untuk membolehkan negara berkenaan meningkatkan kemampuan masing-masing.

Dengan menyertai latihan dan seminar dalam program itu, pegawai dari negara anggota akan dapat mengenal pasti peluang yang wujud bagi mereka meningkatkan perdagangan, pelaburan dan pembangunan di negara masing-masing.

"Cadangan ini disambut baik dan akan dilaksanakan dengan bantuan beberapa negara termasuk Australia, Kanada dan Britain," katanya.

Abdullah berkata, dalam menangani arus globalisasi ini, ketua kerajaan sependapat bahawa konsep perkongsian bijak yang dipelopori Malaysia menerusi Dialog Antarabangsa Langkawi ditingkatkan di kalangan negara Komanwel.

Mereka percaya negara yang maju dapat membantu negara anggota yang lain khususnya yang berjiran dengan memberi latihan dan menyertai projek usaha sama dan membantu memasarkan hasil pengeluaran. - Bernama

(END)